

AL-AQSA MENGGAMIT IHSAN UMAT ISLAM DARI KEJAUHAN

Mukaddimah

Di saat keghairahan umat Islam memanfaatkan fasa terakhir Ramadan al-Mubarak yang hampir melabuhkan tirainya. Di samping persediaan kita menyambut Syawal yang bakal diraikan sebagai tanda kemenangan mengekang nafsu, namun berita yang diterima bahawa masjid al-Aqsa al-Syarif diserang lagi oleh tentera Zionis Israel serta pendatang haram Yahudi ketika para jamaah sedang giat beribadah dan beriktikaf di dalam masjid.

Perbuatan zalim di luar batasan norma kemasyarakatan yang secara jelas melanggar hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa. Pencerobohan yang barang kali dianggap biasa bagi tentera Zionis Israel serta pendatang haram Yahudi bersandarkan hujah memelihara keamanan tetapi janggal dan jelik pada pandangan manusia yang berakal dan bertamadun tinggi.

Masjid Al-Aqsa Al-Syarif Tempat Suci Umat Islam

Seperti mana dimaklumi bahawa masjid al-Aqsa al-Syarif merupakan salah satu tempat suci milik umat Islam. Kedekatannya dengan jiwa nurani orang Islam tidak dapat disangkal lagi apatah lagi ia sebagai tempat persinggahan penghulu segala Rasul Nabi Muhammad SAW ketika peristiwa Isra' dan Mikraj seperti mana dinyatakan dalam surah al Isra' ayat 1.

Ia juga merupakan kiblat yang pertama bagi orang Islam ketika mengerjakan solat dan salah satu masjid yang dianjurkan untuk kita bermusafir kepadanya seperti mana hadis riwayat al-Bukhari Rasulullah SAW bersabda :

لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ: الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،
وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى

“Janganlah kamu bersusah payah mengembara (atau bermusafir bagi tujuan ibadah) melainkan pada tiga buah masjid iaitu Masjid al-Haram, Masjid Rasulullah SAW dan juga Masjid al-Aqsa”.

Beberapa kelebihan ini sudah memadai sebagai helaan kepada jiwa orang Islam khususnya untuk menyayangi dan meletakkan al-Aqsa dan bumi Palestin itu di tempat yang selayaknya. Kecuaian untuk memahami sesuatu kelebihan terhadap sesuatu perkara adalah asas kepada hilangnya kepekaan terhadap perkara tersebut.

Oleh itu, tidak hairan jika dipaparkan isu al-Aqsa dan Palestin, terdapat segelintir daripada umat ini seolah-oleh hilang deria rasa kecintaan dan kepekaan terhadap hal tersebut.

Penghinaan Terhadap Umat Islam

Apa yang kita saksikan di media massa dan disebarakan di media sosial berkenaan tindakan pencerobohan ke atas tempat suci ini sewaktu para jamaah mengerjakan ibadah merupakan tindakan yang menghiris hati umat Islam. Kepedihan dirasakan bertambah perit bagai kaca terhempas ke batu, bila mana ianya berlaku di akhir Ramadan di saat umat Islam mengerah keringat dan tenaga mencurahkan segala daya dan upaya untuk memiliki peluang dan ruang beribadah kepada Allah SWT.

Puncak kehinaan apakah lagi yang lebih tinggi yang dirasakan oleh umat ini di saat mereka sedang beribadah, mensuci dan menundukkan segala hati dan seluruh anggota kepada Allah SWT, mereka diperlakukan dengan tindakan tidak bermoral serta tidak berperikemanusiaan. Apa yang kita lihat ruang masjid diceroboh dan orang yang sedang beribadat diserang dan dcederakan adalah perlambangan kepada suatu bentuk kezaliman yang terkeluar daripada norma-norma keinsanan manusia.

Sebagai umat yang mempunyai kemuliaan dan nilai harga diri di sisi Allah SWT sewajarnya menyedari kewajipan yang perlu dilaksanakan apabila berhubung berkaitan dengan hak sesama Islam. Imam al-Ghazali menggariskan beberapa nilai asas yang perlu ada pada diri seseorang Muslim iaitu :-

1. *al-ikhlas* (keikhlasan),
2. *al-sidq* (benar),
3. *al-amanah* (amanah),
4. *al-mas'uliyah* (bertanggungjawab) dan
5. *al-kamal* (kesempurnaan).

Apakah kebertanggungjawaban kita terhadap peristiwa pencerobohan tentera Zionis Israel terhadap Masjid al Aqsa? Di mana kita? Di mana suara kita di saat orang lain mengambil bahagian dengan keupayaan yang ada bagi mezhahirkan kebencian terhadap tindakan biadap ini? Marilah kita memulakan fasa baharu dalam hidup ini dengan nekad dan azam untuk sentiasa peka dan sedar terhadap saudara seagama kita yang ditindas dengan segenap keupayaan yang ada disamping berkeyakinan tinggi bahawa Allah SWT pasti menolong para hambanya yang beriman. Firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 47:

وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ الْمُؤْمِنِينَ

“Dan Kami selalu berkewajipan menolong orang-orang yang beriman”.

Peranan Ummah

Kita satu umat yang disimpul dengan ikatan akidah yang mana indikasinya adalah sejauhmana tautan kasih sayang itu dijalin dan diikat. Parameter kasih sayang yang sebenar sepertimana diriwayatkan oleh al-Bukhari bahawa Baginda Nabi SAW bersabda :

عَنْ أَبِي حَمْزَةَ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، خَادِمِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Seseorang di antara kamu tidak dianggap beriman kecuali jika dia menyayangi saudaranya sesama mukmin sama seperti dia menyayangi dirinya sendiri."

Jabatan Mufti Negeri Perak menggesa seluruh umat Islam agar melibatkan diri dengan mengambil posisi yang sekukuh mungkin untuk membantu saudara seagama di al Aqsa yang ditindas dengan wahana seperti berikut :

a) **Membantu Mempertahankan Al Aqsa Mengikut Keupayaan Yang Ada.**

Senjata yang ampuh adalah berdoa ke hadrat Allah SWT agar saudara-saudara seislam kita dilindungi daripada kezaliman orang yang menzalimi. Daripada Safwan bin Abdillah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda :

دَعْوَةُ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ لِأَخِيهِ بِظَهْرِ الْغَيْبِ مُسْتَجَابَةٌ، عِنْدَ رَأْسِهِ مَلَكٌ مُوَكَّلٌ كُلَّمَا دَعَا لِأَخِيهِ بِخَيْرٍ، قَالَ الْمَلَكُ الْمُوَكَّلُ بِهِ: آمِينَ وَلَكَ بِمِثْلِ

"Doa seseorang muslim untuk saudaranya secara berjauhan (tanpa pengetahuannya) adalah mustajab. Di kepalanya (yang berdoa) terdapat malaikat yang diwakilkan kepadanya, setiap kali dia berdoa kepada saudaranya dengan kebaikan maka malaikat yang diwakilkan itu akan berkata: Amin dan bagi engkau seperti itu juga (sama seperti apa yang didoakan itu)".

b) **Menyokong Dan Menyumbang Kepada Usaha Mempertahankan Al Aqsa Yang Dirintis Dan Diusahakan Oleh Pihak-Pihak Dengan Kadar Keupayaan Yang Ada Samada Harta Atau Jiwa.** Hal ini berdasarkan hadis riwayat Imam Ahmad dan al-Tabarani bahawa Baginda Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Maimunah binti Saad pernah bertanya Nabi SAW tentang al-Aqsa dan peranan kita sebagai orang Islam terhadapnya.

"Ya Rasulullah, khabarkan kepada kami tentang Baitul Maqdis" Rasulullah SAW menjawab : "Tanah tersebut adalah tempat di mana manusia akan dibangkitkan dan dikumpulkan. Kunjungilah untuk solat kerana satu solat di sana bersamaan dengan seribu kali solat di tempat lain." Baginda kemudian ditanya : "Jika salah seorang daripada kami tidak mampu untuk menziarahinya, apakah yang patut kami lakukan?"

Baginda SAW menjawab : Jika kamu tidak mampu mengunjunginya untuk solat maka hantarkanlah minyak yang akan digunakan untuk menyalakan pelita-pelita di sana. Perbuatan ini akan menjadikan beliau seolah-olah solat di sana.

(Riwayat Imam Ahmad dan al-Tabarani)

- c) **Berusaha Sedaya Upaya Untuk Bersama Membebaskan Al Aqsa Dengan Pelbagai Kaedah Dan Cara Yang Mampu.** Isu pembebasan ini merupakan isu sejagat yang bukan hanya tertumpu di kalangan bangsa Palestin sahaja. Ia merupakan isu ummah yang wajib kita sebagai umat Islam melibatkan diri dengan cara yang pelbagai. Kita akan bertanggungjawab di hadapan Allah atas kealpaan kita terhadap saudara kita yang dizalimi. Wahai saudaraku yang beriman! Sedari atau tidak bahawa al-Aqsa sedang menggamit anda dari kejauhan.

Disediakan oleh :

Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perak

30 Ramadan 1442H / 12 Mei 2021M